

Malaysia miliki infrastruktur capai aspirasi digital

Oleh Alzahrin Alias - Oktober 10, 2021 @ 12:21 pm
zahrin@bh.com.my



Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa melawat Pusat Operasi Rangkaian TM di Cyberjaya pada Sabtu
- Foto ihsan TM

KUALA LUMPUR: Infrastruktur yang dimiliki Malaysia ketika ini mampu merealisasikan aspirasi komunikasi dan digital negara pada masa depan, kata Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai tenaga kerja, keupayaan dan infrastruktur bagi memastikan tahap sambungan 100 peratus di seluruh negara.

"Berdasarkan lawatan kerja ke Pusat Operasi Rangkaian TM di Cyberjaya, saya yakin yang kita memiliki infrastruktur digital yang komprehensif.

"Kerajaan akan pastikan tiada rakyat Malaysia yang ketinggalan," katanya dalam satu kenyataan.

Pusat Operasi Rangkaian terancang milik TM berfungsi sebagai nadi infrastruktur digital dan komunikasi negara yang mengendalikan lebih daripada 600,000 kilometer kabel komunikasi dan lebih daripada 26,700 terabit (TB) data setiap hari.

Pusat itu turut memantau keadaan dan operasi bagi 30 buah sistem kabel dasar laut yang membawa 1,990TB data internet ke dalam dan luar negara.

Sementara itu, Pengerusi Telekom Malaysia Bhd (TM), Datuk Mohammed Azlan Hashim, berkata lawatan Annuar memberi peluang kepada kumpulan memberi pendedahan berkenaan pelbagai segmen pelanggan TM serta kemantapan teknologi digital yang dimiliki dan kesediaannya memberi perkhidmatan.

Beliau berkata, kumpulan bersedia berkhidmat kepada Keluarga Malaysia menerusi penyelesaian komunikasi dan digital yang komprehensif.

Ia, katanya berdasarkan kepada peranan unik dan penting TM sebagai penyedia infrastruktur sambungan dan digital negara serta pemacu digital Malaysia.

"Sebagai sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC), TM kekal komited untuk terus menyumbang ke arah pembangunan negara melalui telekomunikasi dan digital.

"TM juga akan terus menyokong aspirasi digital negara termasuklah Jalinan Digital Negara (JENDELA) dan MyDIGITAL ke arah memacu menuju digital Malaysia sepenuhnya menjelang 2023," katanya.